

17 JUN 2000

PERDANA MENTERI TIDAK PERLU CAMPURTANGAN DALAM MASALAH PEMIMPIN MCA

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri berkata adalah tidak perlu bagi beliau untuk campurtangan dalam masalah kepimpinan MCA.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi Barisan Nasional berkata mereka (pemimpin MCA) sudah cukup matang untuk menyelesaikan masalah mereka tanpa sebarang campurtangan dari luar.

"Saya rasa ini merupakan masalah dalaman yang kecil dan mereka tidak memerlukan campurtangan saya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan MCA ke-47 di ibupejabat parti itu di sini hari ini.

Yang turut hadir pada persidangan berita itu ialah presiden parti Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan timbalannya Datuk Lim Ah Lek.

Dr Mahathir berkata demikian semasa ditanya sama ada beliau bimbang terhadap masalah perselisihan di antara Dr Ling dan Lim.

Semalam Lim (Ah Lek) memberithau pemberita selepas perasmian mesyuarat Pemuda MCA, bahawa beliau masih menunggu isyarat daripada Dr Ling untuk membincangkan masalah itu.

Katanya beliau juga bersedia untuk duduk berbincang mengenainya pada bila-bila masa tetapi setakat ini Dr Ling tidak memberikan sebarang petunjuk untuk mengadakan perbincangan rasmi bagi menyelesaikan perselisihan itu melalui satu pakej penyelesaian.

-- BERNAMA

ARA RON